

MAHATHIR
(1)

DARI EFFENDI ARIFFIN.

198

NEW YORK, 17 JAN (BERNAMA)-- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA BANYAK NEGARA MEMBANGUN SEPERTI MALAYSIA MENGHADAPI DILEMA EKONOMI DALAH USAHA MEREKA UNTUK MENJADI NEGARA INDUSTRI DAN MENYERU SUPAYA NEGARA-NEGARA MAJU MEMAHAMINYA.

+SERUAN MEREKA TIDAK SEHARUSNYA DIABAIKAN; NEGARA-NEGARA MAJU TIDAK RUGI APAPUN UNTUK MEMAHAMI HASALAH ITU,+ KATA PERDANA MENTERI DALAM SATU SEMINAR MENGENAI IKLIM PERNEPAGAAN MALAYSIA DAN PROSPEK DI SINI SEMALAH.

SEMINAR ITU DIANJURKAN BERSAMA PERTUBUHAN ASIA, MAJLIS PERDAGANGAN ASEAN-AMERIKA DAN MAJLIS PERNIAGAAN TIMUR JAUH AMERIKA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DILEMA YANG DIHADAPI OLEH NEGARA-NEGARA MEMBANGUN IALAH TIDAK MENDAPAT PASARAN SEBELUM PUN MEREKA MELAKSANAKAN PROGRAM-PROGRAM PERINDUSTRIAN MASING-MASING.

BELIAU BERKATA KEJAYAAN PERINDUSTRIAN BEBERAPA NEGARA MEMBANGUN MEMBERI SEMANGAT KEPADA NEGARA-NEGARA LAIN. -- LAGI 1230/PA

DARI APA YANG DAPAT DILIHAT BARANGAN NEGARA NEGARA PERUSAHAAN YANG SUDAH BERTAPAK DAPAT DISAINGI SECARA MENCEBURI BIDANG PENGILANGAN SECARA BESAR-BESAR DENGAN ADANYA TENAGA BURUH YANG KOMPETITIF DAN BAHAN MENTAH YANG DAPAT MEMBERIKAN MEREKA KEDUDUKAN YANG LEBIH BAIK, KATANYA.

+TAPI MALANGNYA MEREKA DAPAT BAHAWA PINTU PASARAN YANG BEGITU LUMAYAN SUDAH DITUTUP SEBELUM MEREKA DAPAT MEMASUKI PASARAN ITU.+

PERDANA MENTERI BERKATA MALAYSIA JUGA MENGHADAPI DILEMA INI DAN YAKIN NEGARA INI DAPAT MUNCUL SEBAGAI NEGARA PERUSAHAAN DENGAN ADANYA BAHAN MENTAH, TENAGA DAN GUNA TENAGA YANG DIPERLUKAN.

BELIAU BERKATA UNTUK MENGHADAPI DILEMA EKONOMI SEUHPAHA INI MALAYSIA TERPAKSA MENEMPUH BERBAGAI PERINGKAT DARI MENGILANG SENDIRI BAHAN-BAHAN YANG DIIMPORT KEPADA MENUBUHKAN INDUSTRI-INDUSTRI YANG BANYAK MENGGUNAKAN TENAGA BURUH DAN PEMEROSAN BAHAN-BAHANNYA SENDIRI.

+SEKARANG KAMI INGIN MENCEBURI BIDANG PNDUSTRI BERAT DAN PENGELUARAN JENTERA KECIL DAN KERETA,+ TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MALAYSIA MEMPELAWA SYARIKAT-SYARIKAT ASING UNTUK MENUBUHKAN INDUSTRI-INDUSTRI YANG BANYAK MENGGUNAKAN TENAGA PEKERJA DI KAWASAN PERDAGANGAN BEBAS YANG DIKHAJAN DAN UNTUK MENARIK PARA PELABUR MEREKA DIBERIKAN PELEPASAN CUKAI SEMENTARA.

BELIAU JUGA BERKATA BANYAK NEGARA MEMBANGUN MEMERLUKAN BANTUAN TETAPI TIDAK KURANG JUGA JUMLAHNYA - DAN MALAYSIA SATU DARIPADANYA - YANG TIDAK HIRAUKAN BANTUAN.

BELIAU MENEGASKAN APA YANG MEREKA KEHENDAKI IALAH PERDAGANGAN YANG ADIL.

PERDANA MENTERI JUGA MENARIK PERHATIAN FENOMENA YANG MENDORONG NEGARA-NEGARA SEPERTI KOREA SELATAN, TAIWAN, HONG KONG DAN BRAZIL BERSAING DENGAN JAYANYA TERHADAP BARANGAN-BARANGAN KELUARAN NEGARA-NEGARA INDUSTRI YANG TELAH MAJU DALAM PASARAN DUNIA DI SAMPING PASARAN DALAM NEGERI NEGARA-NEGARA BERKENAAN.

KEJAYAAN MEREKA DISIFATKAN SEBAGAI SATU ANCAMAN OLEH NEGARA-NEGARA INDUSTRI YANG SEDIA WUJUD SETELAH MEREKA MENYAKSIKAN KEAJIBAN EKONOMI JEPUN. -- LAGI 1240/PA

MAHATHIR4 NEW YORK

EROPAH SUDAH MENJADI SEBUAH PASARAN BERSAMA SEMENTARA YANG AMERIKA PADA HULA MENGANGGAP SEPI MULAI MENYEDARI ANCAMAN ITU.

TERDAHULU DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SAHAWA MALAYSIA BUKANLAH NEGARA YANG PALING DIKENAL DI AMERIKA. RAKYAT AMERIKA MENGETAHUI THAILAND KERANA +KING AND I+, SINGAPURA KERANA BOB HOPE DAN SING CROSBY MEMBINTANGI +ROAD TO SINGAPORE+ DAN INDONESIA PULA KERANA AMERLKA MEMPUNYAI MASALAH OENGAN SUKARNO SEDANGKAN FILIPINA PERNAH DIJAJAHNINYA SATU KETIKA DAHULU.

KATANYA MALAYSIA MERUPAKAN SEBUAH NEGARA BARU DAN TIDAK MELAKUKAN PERKARA-PERKARA YANG DIGEMARI OLEH AKHBAR-AKHBAR BARAT.

TAMBAH BELIAU +PERBUATAN MENYEMBELIH ORANG BERAKHIR DI AWAL ABAD INI DAN POHON YANG PALING BESAR TXDAK LAGI DIKHAASKAN UNTUK PERDANA MENTERI SEBAGAI KEDIAMANNYA+.

--LAGI 1242/PA

ZCZC B521

MAHATHIR5 NEW YORK

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENAMBAH ADA JUGA BAIKNYA MALAYSIA TIDAK DIKENALI DI AMERIKA- RAKYAT MALAYSIA AMAN DAN STABIL.

SEMINAR ITU TERMASUK PERBINCANGAN PANEL DIHADIRI OLEH LEBIH 200 ORANG PENIAGA TERKEMUKA AMERIKA DAN MALAYSIA.

PERDANA MENTERI DAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH DAN ROMBONGAN RASMI MALAYSIA TIBA DI SINE DARI TORONTO MALAM TADI UNTUK LAWATAN RASMI KE AMERIKA SYARIKAT SELAMA LIMA HARI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR DAN ROMBONGANNYA AKAN BERLEPAS KE WASHINGTON ESOK DI MAMA MEREKA AKAN DIBERI SAMBUTAN RASMI DI PADANG TUGU PERINGKATAN WASHINGTON. -- BERNAMA 1245/PA